

POIC MENCAPAI JUMLAH KARGO 1 JUTA METRIK TAN

(1) INFRASTRUKTUR DAN KELEBIHAN LOKASI

Peningkatan jumlah pengeluaran pelabuhan POIC semenjak beroperasi pada tahun 2013 adalah positif dan pada tahun 2017 telah mencapai kargo berjumlah 1 juta MT. Kadar pertumbuhan yang pesat ini dijangka berterusan kerana ia satu faktor yang penting bagi perniagaan untuk beroperasi di POIC. Jumlah 1 juta MT tersebut terdiri daripada CPO, minyak bertapis dan baja.

POIC mempunyai terminal pukal kering, terminal pukal cecair, tapak pendaratan tongkang dan kini pelabuhan kontena. Gabungan kepelbagaiannya kemudahan pelabuhan ini membolehkan pelabur mengendalikan pelbagai jenis kargo. POIC juga mempunyai 1,369 ekar tanah perindustrian yang telah dibangunkan berdekatan dengan pelabuhan. Ini bermakna:-


- Kilang-kilang dibina berdekatan dengan pelabuhan untuk aktiviti pemuatan dan pemunggahan kargo (lihat Rajah 1)

RAJAH 1



- Saluran paip yang disambungkan terus dari kilang ke kapal dan tangki pukal melalui kemudahan rak paip yang disediakan oleh POIC (lihat Rajah 2)

RAJAH 2



- Sistem konveyor, kren pemunggahan pukal STS yang terdapat di Terminal Pukal Kering untuk proses pemunggahan yang efisyen (lihat Rajah 3)

RAJAH 3



- Tapak perindustrian yang siap sedia untuk pembinaan gudang-gudang besar – Skala ekonomi

Ini adalah faktor utama yang mempengaruhi keputusan pelabur memilih POIC sebagai lokasi kilang mereka. Kemudahan ini direka bentuk dan dibina untuk mengoptimumkan kecekapan operasi yang boleh mengurangkan kos perniagaan. Pertimbangan lain adalah seperti berikut: -

- Jarak dekat dari bandar/lapangan terbang Lahad Datu bermakna akses yang mudah ke kemudahan awam seperti (lihat Rajah 4): -

- Bank
- Lapangan Terbang
- Sekolah
- Klinik
- Hospital
- Kedai perkakasan
- Perkhidmatan undang-undang, dan perakaunan
- Pasar raya
- Perumahan
- Hotel
- Restoran
- Pejabat Pos
- MPOB (Lembaga Minyak Sawit Malaysia)

RAJAH 4




Setakat ini, belum ada tapak perindustrian di Sabah yang dibina berhampiran bandar seperti POIC. Pertimbangan utama dalam pemilihan lokasi adalah untuk mengoptimumkan kecekapan operasi di mana pelabur dapat mengakses perkhidmatan sokongan asas yang diperlukan untuk operasi perniagaan. Bandar Lahad Datu dan lapangan terbang terletak lebih kurang 10 minit dari POIC.

- Lahad Datu secara logistiknya terletak di antara Sandakan dan Tawau, dan ini memberikan kelebihan dari segi kos dan masa pengedaran.

- Potensi eksport dan import serantau dengan (lihat Rajah 5) :
 - Filipina Selatan
 - Kalimantan Timur
 - Sulawesi
 - Papua New Guinea

RAJAH 5: Kawasan Penanaman Kelapa Sawit di BIMP-EAGA



Source: Global Forest Watch

Oil Palm Plantations
Estimated 7 mil. hectares



- Lahad Datu terletak di pertengahan kawasan penanaman kelapa sawit di Sabah, ini menjadikannya sebagai hab pengedaran baja dan bahan lain untuk kegunaan kelapa sawit di ladang dan kilang penapisan dengan yang kos efektif.

Kedua-dua faktor infrastruktur dan kelebihan lokasi telah dan akan terus bertindak sebagai kelebihan utama POIC. Infrastruktur yang lebih khusus akan terus dibangunkan agar POIC akan menjadi lebih relevan kepada pelabur.

Secara amnya, logistik dan pengedaran adalah kos perniagaan yang terbesar (biasanya lebih kurang 1/3 daripada jumlah kos). Ini bermaksud, semakin rendah kos logistik, semakin rendah kos perniagaan di Sabah. Senario sedemikian memberikan POIC kelebihan yang signifikan dalam logistik dan kos perniagaan.

(2) KELEBIHAN INDUSTRI BERKELOMPOK

POIC dibangunkan berdasarkan konsep perniagaan industri berkelompok. Kini, kelompok industri baja sudah terbentuk di POIC.

Industri berkelompok mampu memberikan impak penurunan kos menjalankan perniagaan kerana pembekal dan sektor sokongan seperti *stevedoring*, pengendalian kargo pelabuhan, pengangkutan, pengedar dan pembekal perkhidmatan seperti bank, pembekal kuasa dan air dapat menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap. Disebabkan evolusi dari semua ini, akan wujudnya pekerja-pekerja berpengalaman dan mahir yang tertentu untuk industri tersebut.

Amnya, kelompok perindustrian dikatakan:

- Boleh meningkatkan produktiviti melalui input khusus, akses kepada maklumat dan perkhidmatan awam
- Cara yang lebih cepat dan baik untuk melakukan sesuatu melalui persaingan

sengit seterusnya boleh membawa kepada prestasi yang baik.


- Mewujudkan perniagaan baru dan memperluaskan sempadan struktur kelompok untuk terus mendahului persaingan.

Rasionalnya, kelompok perindustrian boleh dijelaskan dengan mengambil contoh kejayaan Silicon Valley, dan Hollywood. Malah semua industri yang berjaya sama ada industri jam tangan di Switzerland, jubin di Itali, kereta di Jepun, pembinaan kapal di Korea, boleh dinyatakan dengan jelas dari perspektif industri berkelompok. Kelompok industri mempunyai kelebihan intrinsiknya yang cenderung menarik industri utama dan sokongan yang berkaitan ke kawasan geografi yang strategik.

Melangkah ke hadapan, dengan kemudahan POIC yang tersedia, pencarian potensi untuk mengembangkan kelompok perindustrian lain akan dapat diteruskan (lihat Rajah 6)

- IKS
- Halal
- Pertanian, akuakultur
- Terminal penapisan minyak dan tangki
- Fabrikasi
- Perkhidmatan kapal

RAJAH 6



(3) **POIC: ROTTERDAM OF THE EAST**

10 tahun yang lalu, Pelabuhan Rotterdam telah bekerjasama dengan POIC untuk membangunkan POIC sebagai “Rotterdam of the East”.


Kajian komprehensif yang dilakukan oleh Pelabuhan Rotterdam telah merumuskan bahawa POIC adalah salah satu lokasi yang terbaik (lihat Rajah 7) di dunia dari segi kedudukan logistik global disebabkan kedalaman air semulajadi dan kedudukannya di salah satu laluan perkapalan yang kedua tersibuk di Asia Tenggara iaitu Selat Lombok – Makassar.

Dari 6 rantau (Brazil, India, Hinterland, Timur Tengah, Asia, Mediterranean) di bawah kajian Port of Rotterdam pada masa itu, POIC mempunyai skor

tertinggi dari segi ciri-ciri pelabuhan, iklim pelaburan, geografi, aktiviti dan kawasan pedalaman.

Skor untuk kriteria 'pedalaman' adalah yang terendah disebabkan oleh kelemahan jaringan jalan raya dan pengangkutan yang menghubungkan Lahad Datu dengan bahagian lain Sabah. Bagaimanapun, dengan pembinaan lebuhraya Pan Borneo yang sedang dijalankan, skor pedalaman ini sudah pasti akan meningkat.

RAJAH 7



(4) PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI POIC TIDAK LAGI MEMPUNYAI KEKANGAN

Dengan adanya kesemua infrastruktur pelabuhan dan tapak perindustrian yang sudah dibangunkan, terutamanya pelabuhan kontena, mana-mana kilang pembuatan berasaskan sawit boleh dibangunkan dan produk boleh dieksport keluar melalui POIC Lahad Datu. Sebelum pelabuhan kontena lengkap, industri oleokimia atau bio-kimia tidak dapat dibangunkan kerana produk-produknya memerlukan kemudahan kontena.

POIC telah mencapai tahap dimana ia kini mempunyai infrastruktur dan kelebihan lokasi geografi yang boleh dihubungkan dengan bahan mentah dan kemudahan eksport kerana terletak di laluan perkapalan yang kedua tersibuk di Asia Tenggara. Dengan ini, pembangunan perindustrian terbesar akan dapat dilihat hanya dengan industri kelapa sawit di Pantai Timur Sabah melalui POIC.

Pantai Timur Sabah boleh menikmati perkembangan paling dinamik dalam tiga sektor ekonomi utama - pertanian, perkilangan dan perkhidmatan (melalui pelancongan). Ketiga tiga sektor ekonomi utama ini lebih bervariasi, maju, menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan peluang pelaburan berbanding pantai barat Sabah. Dengan kemungkinan telaga minyak dan gas akan dibuka di perairan Pantai Timur, aktiviti-aktiviti industri utama akan lebih tertumpu di sepanjang Pantai Timur berbanding Pantai Barat Sabah.